

SULIT
1249/1
Sejarah
Kertas 1
Oktober
2024
1 jam

1249/1



**MAKTAB RENDAH SAINS MARA
PEPERIKSAAN AKHIR SIJIL PENDIDIKAN MRSM 2024**

SEJARAH

Kertas 1

Satu Jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi **40** soalan.*
2. *Jawab **semua** soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti empat pilihan jawapan, iaitu **A, B, C** dan **D**. Bagi setiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. Hitamkan jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Jika anda hendak menukar jawapan, padamkah tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan baharu.*

Kertas peperiksaan ini mengandungi 15 halaman bercetak

[Lihat halaman sebelah]

- 1 Maklumat berikut merujuk kepada alat kebesaran diraja pada zaman Kesultanan Melayu Melaka.

- Nobat
- Cap mohor

Apakah kepentingan peralatan tersebut?

- A Menggambarkan kemewahan kerajaan
 - B Mengesahkan keturunan pemerintah
 - C Mempamerkan keunikan kesenian
 - D Menunjukkan simbol kedaulatan
- 2 Apakah sumber pendapatan Kesultanan Melayu Melaka?
- I Hasil perdagangan
 - II Ufti wilayah
 - III Pajakan tanah
 - IV Sumber galian
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

3 Maklumat berikut berkaitan dengan perkembangan nasionalisme di Eropah.

- Revolusi Keagungan (1688)
- Revolusi Perancis (1789)

Apakah isu yang diperjuangkan dalam revolusi tersebut?

- I Kebebasan hak asasi
 - II Keunggulan suara rakyat
 - III Penggabungan tanah jajahan
 - IV Diskriminasi penjajah
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 4 Tokoh berikut memberi sumbangan besar kepada kesedaran nasionalisme di Tanah Melayu pada abad ke-20.



Ibu Zain

Apakah sumbangan beliau?

- A Menuntut peluang dalam perkhidmatan kerajaan
- B Memberi kesedaran kepentingan pendidikan
- C Menubuhkan persatuan sosioekonomi
- D Memartabatkan kesenian bangsa

[Lihat halaman sebelah

- 5 Apakah faktor yang mencetuskan Perang Dunia Kedua antara tahun 1939-1945?
- A Pembunuhan pewaris takhta Austria-Hungary
 - B Pencerobohan terhadap Belgium
 - C Kemunculan ideologi Fasisme
 - D Krisis di rantau Balkan
- 6 Mengapakah Jepun ingin menguasai Asia Tenggara pada abad ke-20?
- A Mendapatkan tenaga buruh
 - B Memperoleh bahan mentah
 - C Menyebar fahaman agama
 - D Mengukuhkan nilai mata wang
- 7 United Malays National Organisation (UMNO) ditubuhkan pada 11 Mei 1946 untuk menentang Malayan Union.
- Apakah tindakan yang dilakukan oleh pertubuhan tersebut?
- A Menganjur bantahan besar-besaran
 - B Meletak jawatan beramai-ramai
 - C Membawa kes ke mahkamah
 - D Menutup premis perniagaan
- 8 Rakyat tempatan menentang penyerahan Sarawak pada tahun 1946 kerana British
- A menghalang pemilikan tanah peribumi
 - B menindas kegiatan berpersatuan
 - C menafikan hak berkerajaan sendiri
 - D menghadkan peluang dalam pentadbiran
- 9 Mengapakah Syarikat Borneo Utara British (SBUB) menyerahkan Sabah kepada kerajaan British pada tahun 1946?
- A Penamatan tempoh konsesi
 - B Kemusnahan bandar akibat perang
 - C Pemberontakan tokoh masyarakat
 - D Desakan penduduk tempatan

- 10 Golongan nasionalis Melayu radikal diketepikan daripada menyertai mesyuarat Jawatankuasa Kerja pada tahun 1946.

Apakah tindakan golongan nasionalis Melayu radikal terhadap situasi tersebut?

- A. Membentuk Pusat Tenaga Rakyat
- B. Mengajurkan demonstrasi aman
- C. Mengadakan persidangan kebangsaan
- D. Menubuhkan Dewan Perundangan Negeri

- 11 Persekutuan Tanah Melayu 1948 merintis kepada penubuhan Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum (CLC).

Apakah kepentingan penubuhan jawatankuasa tersebut?

- A. Penyeragaman pentadbiran
- B. Persefahaman pemimpin
- C. Kesedaran berpolitik
- D. Kerjasama antara persatuan

- 12 Maklumat berikut merujuk kepada pasukan keselamatan yang terlibat dalam menangani ancaman komunis di negara kita.

- Senoi Praaq (Urang Perang)
- Sarawak Rangers

Apakah peranan pasukan tersebut?

- A. Membawa bekalan makanan
- B. Melindungi pekerja lombong
- C. Mempertahankan kawasan bandar
- D. Mengesan tempat persembunyian musuh

- 13 Apakah kesan zaman darurat dari tahun 1948 hingga 1960 terhadap negara kita?

- A. Merapatkan jurang sosioekonomi
- B. Mempercepat kemerdekaan
- C. Menetapkan persempadan semula
- D. Memajukan perkhidmatan pengangkutan

14 Tokoh berikut telah mengemukakan idea pembentukan negara merdeka.

- Ibrahim Haji Yaakob
- Ahmad Boestamam

Apakah idea tokoh tersebut?

- A Penyatuan bangsa Melayu
- B Penggabungan wilayah baharu
- C Penubuhan sebuah negara Islam
- D Pergerakan politik bersifat sederhana

15 Maklumat berikut berkaitan agensi yang ditubuhkan di negara kita pada tahun 1950.

Lembaga Pembangunan Industri Desa (RIDA) ditubuhkan hasil persetujuan dalam Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum (CLC).

Apakah perkara yang menjadi tolak ansur orang Melayu sehingga membawa kepada penubuhan agensi tersebut?

- A Pilihan raya
- B Kewarganegaraan
- C Sukatan pelajaran
- D Perkhidmatan awam

16 Apakah syarat menjadi calon dalam Pilihan Raya Majlis Perundangan Persekutuan 1955?

- I Mewakili parti tertentu
 - II Berumur 21 tahun
 - III Berstatus warganegara
 - IV Mendapat pendidikan tinggi
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 17 Jadual berikut berkaitan keputusan Pilihan raya Umum 1955.

Nama Parti	Bilangan Calon	Kerusi dimenangi
Perikatan	52	51
Parti Negara	30	0
Parti Islam Se-Tanah Melayu	11	1

Mengapakah Parti Perikatan memenangi pilihan raya tersebut?

- A Memperjuangkan sistem monarki
- B Meminda undang-undang barat
- C Menjalin kerjasama politik
- D Mendaftarkan calon lebih awal

- 18 Suruhanjaya Reid ditubuhkan untuk merangka Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957.

Bagaimanakah tugas tersebut dilaksanakan?

- A Menganjurkan kongres
- B Melaksanakan pungutan suara
- C Mengadakan persidangan akhbar
- D Mengumpul pandangan pelbagai pihak

- 19 Maklumat berikut berkaitan kandungan draf perlembagaan negara yang dikemukakan oleh Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu pada 1956.

- Konsep Raja Berperlembagaan
- Kedudukan istimewa orang Melayu
- X

Apakah X?

- A Peruntukan kerusi Parlimen
- B Kewarganegaraan jus soli
- C Penubuhan kabinet
- D Kuasa imigresen

[Lihat halaman sebelah]

- 20 Maklumat berikut berkaitan jawatankuasa yang ditubuhkan menjelang pemasyhuran kemerdekaan negara pada tahun 1957.

Jawatankuasa Fizikal

Apakah peranan jawatankuasa tersebut?

- A Membina istana
 - B Memberi gaji awal
 - C Menempah bendera
 - D Mengadakan kursus protokol
- 21 Bagaimanakah kedudukan raja diperkuuh dalam kerajaan Melayu tradisional?
- A Kesetiaan rakyat
 - B Kekayaan negara
 - C Perkahwinan siasah
 - D Permuafakatan pembesar
- 22 Bagaimanakah rakyat Malaysia memainkan peranan dalam menyokong usaha kerajaan mengekalkan perpaduan kaum?
- A Mewajibkan mata pelajaran Sejarah
 - B Menghayati prinsip Rukun Negara
 - C Membentuk Majlis Muhibbah Negara
 - D Menganjurkan sambutan Hari Pahlawan
- 23 Antara berikut yang manakah berkaitan ciri moden dalam Perlembagaan Persekutuan?
- I Sistem Beraja
 - II Kerajaan Persekutuan
 - III Demokrasi Berparlimen
 - IV Kedudukan orang Melayu
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

24 Maklumat berikut berkaitan Perlembagaan Persekutuan di negara kita.

- Pindaan Perlembagaan 1963
- Pindaan Perlembagaan 1965

Mengapakah pindaan tersebut berlaku?

- A Mematuhi arahan pemerintah
- B Mendapat pengiktirafan pihak luar
- C Mengukuhkan kedudukan parti politik
- D Menyesuaikan dengan keperluan semasa

25 Gambar berikut adalah Yang di-Pertuan Agong Malaysia ke-17.



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda
Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim

Apakah kuasa baginda dalam bidang perundangan?


- A Mengisytiharkan darurat
- B Melantik ahli diplomat
- C Mengetuai angkatan tentera
- D Menangguhkan hukuman mahkamah

26 Peranan Parlimen di negara kita ialah

- A menentukan bentuk hukuman
- B mentafsir undang-undang
- C menjalankan pentadbiran
- D menyemak dasar kerajaan

[Lihat halaman sebelah

27 Gambar berikut menunjukkan aktiviti penjaja di negara kita.



Sumber: FAMA Negeri Sembilan

Pihak manakah yang bertanggungjawab mengeluarkan lesen aktiviti tersebut?

- A Badan Berkanun
 - B Pihak Berkuasa Tempatan
 - C Dewan Perniagaan Usahawan Kecil
 - D Kerajaan Persekutuan
- 28 Bagaimanakah kerajaan Malaysia memulihara khazanah laut untuk warisan generasi akan datang?
- I Melaksanakan program restorasi karang
 - II Mengisyiharkan Deklarasi Kuala Lumpur
 - III Mendapatkan pengiktirafan UNESCO
 - IV Mengawal selia kawasan perairan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

29 Mengapa Filipina menentang penubuhan Malaysia pada tahun 1963?

- A Mengembangkan ideologi neokolonialisme
- B Membentuk Kesatuan Kalimantan Utara
- C Melindungi kepentingan ekonomi
- D Menuntut wilayah Sabah

30 Maklumat berikut berkaitan dengan mesyuarat Menteri Luar di Manila.

Tarikh	Ahli
7 hingga 11 Jun 1963	<ul style="list-style-type: none">• Tun Abdul Razak Hussein (Malaysia)• Dr. Subandrio (Indonesia)

Apakah persetujuan yang dicapai dalam mesyuarat tersebut?

- A Memantapkan perkhidmatan perisikan
 - B Mengadakan kerjasama ketenteraan
 - C Menangani ancaman pengganas
 - D Membincangkan masalah konfrontasi
- 31 Maklumat berikut berkaitan strategi untuk mengatasi ancaman komunis di Sarawak selepas pembentukan Malaysia.

X
<ul style="list-style-type: none">• Mengisyiharkan kawasan putih• Tawaran pengampunan

Apakah X?

- A Perang Saraf
- B Kampung Baru
- C Operasi Sri Aman
- D Pendaftaran Kebangsaan

[Lihat halaman sebelah


- 32 Maklumat berikut berkaitan isu pembangunan ekonomi dalam Rancangan Malaysia Pertama (1966-1970).

- Peluang pekerjaan yang terhad
- Kadar pengangguran meningkat

Bagaimakah masalah tersebut diatasi?


- A Memulih kawasan tanah terbiar
B Menggalakkan penubuhan koperasi
C Menubuhkan pusat latihan vokasional
D Mengawal kadar kelahiran
- 33 Bagaimakah kerajaan memartabatkan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan?
I Menganjurkan Minggu Perpaduan
II Menubuhkan Universiti Kebangsaan Malaysia
III Mewujudkan Institut Alam dan Tamadun Melayu
IV Melaksanakan program Citrawarna Malaysia
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
- 34 Dasar Kebudayaan Kebangsaan telah digubal pada tahun 1971.
Mengapakah dasar tersebut diperkenalkan?
A Memupuk semangat kenegerian
B Memperkuuh integrasi nasional
C Menghalang kemasukan pengaruh barat
D Mengawal penggunaan bahasa asing

- 35 Rajah berikut menunjukkan matlamat Rukun Negara untuk melahirkan rakyat yang bersatu padu.



Apakah X?

- A Masyarakat adil
 - B Masyarakat majmuk
 - C Masyarakat berinovasi
 - D Masyarakat penyayang
- 36 Gambar berikut menunjukkan Rancangan Buku Hijau yang dilancarkan oleh Tun Abdul Razak bin Hussein pada 20 Disember 1974.



Mengapa rancangan tersebut diperkenalkan?

- A Membina kemudahan asas
- B Memantau projek pembangunan
- C Menambah pengeluaran makanan
- D Membangunkan bandar terancang

[Lihat halaman sebelah

37 Institusi berikut ditubuhkan untuk mencapai matlamat Dasar Pembangunan Nasional (DPN).

- Pusat Latihan Kemahiran Giatmara
- Institut Latihan Perindustrian (ILP)

Apakah kesan penubuhan institusi tersebut?

- A Pelaburan luar berkembang
- B Pendapatan rakyat bertambah
- C Perkhidmatan kerajaan diperkasa
- D Program pertukaran pelajar dipergiat

38 Bagaimanakah Malaysia mengatasi cabaran politik antarabangsa pada tahun 1970-an?

- A Melaksanakan dasar berkecuali
- B Mengukuhkan hubungan dengan barat
- C Meneruskan dasar anti komunis
- D Menyertai blok sterling

39 Malaysia menghadapi kemelesetan ekonomi pada tahun 1997-1998.

Bagaimanakah kerajaan mengatasi masalah tersebut?

- A Membuat pinjaman dengan negara lain
- B Membawa masuk pekerja asing
- C Menambat mata wang negara
- D Memperkenalkan saham bumiputera

40 Mengapakah isu keganasan Israel terhadap Palestin menjadi perhatian Malaysia?

- I Menangani masalah kemiskinan
- II Mewujudkan kerjasama ekonomi
- III Menghormati kedaulatan negara lain
- IV Menegakkan prinsip keadilan
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

KERTAS SOALAN TAMAT